

**Musawah Framework for Action**

**Plateforme d'action de Musawah**

**Kerangka Kerja Tindakan Musawah**



© Sisters in Islam, 2009

***Published in Malaysia by:***

Musawah

an initiative of Sisters in Islam (SIS Forum Malaysia)

7 Jalan 6/10, 46000 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: +603 7785 6121 Fax: +603 7785 8737

Email: info@musawah.org Web: <http://www.musawah.org>

***French translation:*** Veronica Kelly-Vanden Berghe & Associates,  
Ghita El Khyari, Rabéa Naciri

***Bahasa Malaysia translation:*** Rohani Rustam, Rashidah Shuib,  
Nik Noriani Nik Badli Shah

***Persian translation:*** Alireza Haghighi, Ziba Mir-Hosseini, Shadi Sadr

***Arabic translation:*** Sulaf Taha, Rabéa Naciri, Amina Lemrini,  
Amal Abdel Hadi, Azza Soliman, Hadil El-Khouly

***Printed by:*** Wah Kim Trading

***Cover Design and Layout:*** Mosaic Street Sdn Bhd

Any part of this publication may be copied, reproduced, translated, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means to meet local needs, without permission from Musawah, provided that there is no intention of gaining material profits and that all copies, reproductions and translation through mechanical, electrical or electronic means acknowledge Musawah as the source. A copy of any reproduction or translation should be sent to Musawah at the above address.

ISBN 978-983-44432-0-7



9 789834 443207

## **Kerangka Kerja Tindakan Musawah**

*Kerangka Kerja Tindakan ini adalah satu dokumen yang membentangkan kerangka kerja konsep Musawah, iaitu satu gerakan global bagi menuntut kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Islam. Musawah mengisytiharkan bahawa kesaksamaan dalam keluarga sangat diperlukan memandangkan banyak aspek dan amalan dalam Undang-Undang Keluarga Islam masa kini tidak adil dan tidak berlandaskan realiti kehidupan individu serta pengalaman keluarga Islam. Musawah mengisytiharkan bahawa kesaksamaan dalam keluarga boleh wujud melalui pendekatan holistik yang menyatukan pengajaran Islam, prinsip sejagat hak asasi manusia, hak dasar dan jaminan perlembagaan serta hakikat kehidupan wanita dan lelaki dewasa ini. Musawah dibentuk hasil usaha berterusan oleh kumpulan wanita dan aktivis selama beberapa dekad di negara-negara dan masyarakat Islam. Mereka menganjurkan kempen bagi mereformasikan Undang-Undang Keluarga Islam yang mendiskriminasi wanita serta menentang sebarang pindaan mundur yang dituntut oleh golongan konservatif dalam masyarakat.*

*Kerangka Kerja Tindakan ini telah dibangunkan oleh sekumpulan aktivis dan cendekiawan Islam yang telah berpadu tenaga mengajukan Musawah. Kumpulan induknya, yang diselaraskan oleh Sisters in Islam (Malaysia), dianggotai oleh 12 orang ahli jawatankuasa perancang terdiri daripada para aktivis dan sarjana Islam dari 11 buah Negara. Kerangka Kerja Tindakan ini telah dikonsepsikan dan ditulis melalui beberapa mesyuarat dan perbincangan dengan para cendekiawan,*

sarjana, aktivis dan pengamal undang-undang Islam dari kira-kira 30 buah negara.



***Kami berpegang kepada prinsip Islam sebagai sumber keadilan, kesaksamaan, kesetaraan dan kemuliaan bagi semua umat manusia. Kami mengisytiharkan bahawa kesaksamaan dan keadilan sangat diperlukan dan boleh menjadi sebahagian daripada undang-undang dan amalan keluarga bagi negara-negara dan masyarakat Islam.***

### **Menyedari bahawa:**

- Ajaran Al Qur'an, matlamat *Shari'ah*, piawai sejagat hak asasi manusia, hak dasar dan perlindungan perlembagaan serta realiti kehidupan kita dalam abad 21 ini, semua tuntutan yang berkaitan dengan hubungan antara wanita dan lelaki Islam baik dalam lingkungan umum atau peribadi hendaklah berlandaskan prinsip dan amalan yang berpegang kepada kesaksamaan, kesetaraan dan keadilan;
- Semua umat Islam mempunyai hak dan tanggungjawab yang saksama untuk membaca teks agama serta melibatkan diri untuk memahami perutusan Allah dan berlaku adil dan saksama untuk kebaikan umat manusia dalam keluarga, masyarakat dan negara;
- Kebanyakan undang-undang dan amalan dalam negara-negara Islam tidak adil, dan ketidakadilan ini melemahkan kehidupan harian ahli keluarga terutama wanita;

- Hal-ehwal kehidupan manusia saling berubah dan berkembang sama seperti undang-undang dan amalan sosial yang membentuk perhubungan dalam keluarga Islam;
- Islam merangkumi kesaksamaan, keadilan, kasih sayang, timbang rasa dan saling hormat menghormati sesama manusia dan nilai-nilai ini menyediakan jalan ke arah perubahan untuk kita;
- Reformasi undang-undang dan amalan untuk kebaikan masyarakat dan kepentingan awam (*maslahah*) telah menjadi sebahagian daripada tradisi undang-undang Islam; dan
- Piawai Hak Asasi Manusia Antarabangsa memerlukan maruah, kesaksamaan yang sebenar tanpa diskriminasi bagi semua umat manusia;

***Kami, sebagai umat Islam dan warga bagi negara bangsa yang moden, mengisytiharkan bahawa kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga sangat diperlukan dan boleh diwujudkan. Masa untuk menjadikan nilai-nilai ini sebagai satu kenyataan dalam undang-undang dan amalan kita ialah sekarang.***

## **I. Kesaksamaan dan Keadilan dalam Keluarga adalah Sangat Diperlukan**

Kebanyakan undang-undang dan amalan dalam keluarga masyarakat dan negara-negara Islam dewasa ini berdasarkan teori dan konsep yang telah diwujudkan oleh para juri klasik (*fuqaha*) dalam konteks sejarah, sosial dan ekonomi yang amat berbeza. Dalam membuat

tafsiran Al Qur'an dan *Sunnah*, para juri klasik berpandukan kepada keadaan politik dan sosial zaman mereka serta andaian tentang undang-undang, masyarakat dan institusi patriark masa tersebut. Ide keadilan gender tidak mempunyai tempat dan tidak sebegitu relevan dengan konsep mereka tentang keadilan. Ia bukan sebahagian daripada pengalaman sosial mereka. Konsep perkahwinan itu sendiri adalah berdasarkan kepada suami sebagai watak dominan manakala isteri pula adalah submisif. Lelaki dianggap sebagai pelindung wanita dan pencari nafkah yang tunggal bagi keluarga, sehinggakan para isteri dianggap tidak perlu membuat kerja rumah atau menyusukan anak mereka. Sebaliknya wanita dikehendaki mengikut perintah suami sepenuhnya.

Pada awal abad 20, pemikiran bahawa kesaksamaan adalah sebahagian daripada konsep keadilan mula berakar umbi. Dunia yang didiami oleh pengarang teks jurisprudens klasik (*fiqh*) mula menghilang. Namun, pembentukan hak gender yang tak saksama masih berterusan di dalam teks—dikeluarkan semula dengan pengubahsuaian, dalam undang-undang keluarga zaman penjajah dan pasca penjajah, menggabungkan konsep undang-undang klasik yang mengandungi pengaruh penjajah serta aspek-aspek negatif adat resam setempat. Kebanyakan undang-undang keluarga Islam kini dicipta melalui proses tersebut, dan justeru itu digubal berdasarkan andaian dan konsep yang tidak lagi relevan bagi keperluan, pengalaman serta nilai-nilai umat Islam dewasa ini. Pengurusan undang-undang yang bercampur baur ini berpindah dari sarjana klasik yang semakin hilang perhubungannya dengan realiti perubahan politik dan sosial, kepada pelaksana serta badan perundangan yang tidak mempunyai kebolehan ataupun kecenderungan untuk mencabar tafsiran klasik pra-modern *Shari'ah*. Dalam masyarakat Islam yang konsep klasik

hukum-hakam belum dijadikan undang-undang maka undang-undang *fikah* yang berabad lamanya dengan nilai-nilai penjajah dan norma setempat, telah digunakan dalam banyak perkara untuk mengekalkan ketaksaksamaan antara wanita dan lelaki dalam keluarga serta masyarakat.

Ketidakadilan hasil daripada tidak adanya keserasian antara undang-undang dan adat resam kuno dengan keadaan sebenar dewasa ini sangat banyak, dan boleh didapati dalam banyak negara Islam dan masyarakatnya. Ketidakadilan serta diskriminasi sedemikian biasa juga berlaku dalam undang-undang sekular di seluruh dunia sehinggalah perubahan dibuat pada abad ke 20 untuk menyelaraskan undang-undang tersebut sedikit demi sedikit sehingga sesuai dengan nilai universal iaitu kesaksamaan. Oleh kerana undang-undang keluarga dan amalannya berhubung rapat dengan aspek-aspek lain dalam masyarakat, maka ketidakadilan dalam keluarga menjejaskan wanita dalam banyak perkara termasuk maruah diri, keselamatan diri, pergerakan, harta pusaka, kerakyatan, kewarganegaraan, hak bekerja, undang-undang jenayah dan penyertaan dalam politik.

Dalam keadaan dan masa sekarang, tidak mungkin ada keadilan tanpa kesaksamaan. Sejumlah besar aspek undang-undang keluarga kita seperti yang ditakrifkan oleh pakar undang-undang zaman kuno dan diterbitkan semula dalam kod undang-undang moden, tidak lagi dapat dipertahankan baik dalam keadaan semasa mahupun atas dasar Islam. Bukan sahaja undang-undang tersebut tidak memenuhi tuntutan *Shari'ah* tentang keadilan, akan tetapi undang-undang berkenaan digunakan pada masa ini untuk menafikan hak wanita membuat pilihan yang boleh meningkatkan martabat mereka. Unsur-unsur ini merupakan punca akar umbi kepada perkahwinan yang tidak harmoni dan perpecahan keluarga.

## II. Kesaksamaan dan Keadilan dalam Keluarga boleh Diwujudkan

Ajaran Al Qur'an meliputi prinsip keadilan (*'adl*), kesaksamaan (*musawah*), kesetaraan (*insaf*), maruah diri (*karamah*), kasih sayang dan timbang rasa (*mawaddah wa rahmah*). Prinsip-prinsip ini menggambarkan norma-norma sejagat dan selaras dengan piawai semasa hak asasi manusia. Nilai-nilai utama daripada Al Qur'an ini boleh memberi bimbingan seterusnya kepada pembentukan undang-undang keluarga dan amalan, selaras dengan tanggapan semasa tentang keadilan, termasuk kesaksamaan di antara jantina mengikut undang-undang.

Beberapa konsep asas dalam teori undang-undang Islam meletakkan asas tuntutan bahawa undang-undang dan amalan keluarga boleh diubah bagi mencerminkan kesaksamaan dan keadilan selari dengan hakikat kehidupan umat Islam dewasa ini:

- Terdapat perbezaan ketara di antara *Shari'ah*, wahyu Allah, dengan *fikah (fiqh)*, iaitu sains jurrisprudens Islam. Dalam teologi Islam, *Shari'ah* (secara literal: jalan atau lorong ke sumber air) ialah keseluruhan nilai dan prinsip agama seperti yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (*s.a.w.*) sebagai panduan kehidupan umat manusia. *Fikah* (secara literal: kefahaman manusia) merupakan proses bagaimana umat manusia cuba memperoleh undang-undang yang nyata daripada dua sumber utama pemikiran dan amalan Islam: Al Qur'an dan *Sunnah* Nabi. Sebagai satu konsep, *Shari'ah* tidak boleh diperkecilkan menjadi sekumpulan undang-undang—kerana ia lebih hampir kepada kod etika daripada undang-undang. Ia merangkumi



nilai dan prinsip yang memberi panduan kepada umat manusia ke arah keadilan dan perilaku yang betul. Apa yang sebenarnya ditekankan sebagai undang-undang *Shari'ah* adalah hasil *fikah*—kegiatan perundangan yang dibuat manusia, yang boleh menghasilkan perbezaan, kesilapan dan boleh diubah.

- Terdapat dua kategori ketetapan hukum undang-undang: *'ibadat* (pengabdian / kerohanian) dan *mu'amalat* (transaksi / pelakuan mengikut perjanjian). Hukum hakam dalam kategori *'ibadat* menentukan hubungan antara Allah dan penganutnya, maka dalam hal ini tidak terdapat banyak ruang untuk perubahan. Undang-undang dalam kategori *mu'amalat* pula, mengawalselia hubungan sesama manusia, maka oleh itu terbuka untuk perubahan. Oleh kerana hal ehwal manusia senantiasa berkembang, maka undang-undang baru yang menggunakan tafsiran baru bagi teks agama amat diperlukan agar undang-undang lama dapat diselaraskan mengikut realiti perubahan masa dan tempat (*zaman wa makan*). Inilah rasional ijtihad (secara literal: berikhtiar, berusaha sendiri) iaitu cara para fuqaha mencari penyelesaian kepada perkara-perkara baru dari petunjuk yang diwahyukan. Undang-undang berkaitan keluarga dan hubungan gender termasuk dalam bidang ilmu *mu'amalat*, bermakna para fuqaha Islam sering menganggapnya sebagai isu sosial dan perjanjian yang terbuka kepada pertimbangan rasional dan perubahan.
- Undang-undang atau pindaan yang diperkenalkan atas nama *Shari'ah* dan Islam harus mencerminkan nilai-nilai kesaksamaan, keadilan, kasih sayang, belas kasihan dan saling menghormati

sesama manusia. Inilah nilai-nilai dan prinsip yang dipersetujui oleh umat Islam dan yang dipegang oleh ahli fuqaha Islam sebagai matlamat *Shari'ah* yang tidak boleh dipertikaikan. Dalam kata-kata Ibn Qayyim al-Jawziyya (abad ketujuh Hijrah, ke 14 Masihi), '*Dasar Shari'ah berasaskan keadilan dan membangunkan kebajikan manusia di dunia dan akhirat. Shari'ah merangkum keadilan, bertimbang rasa, kebaikan umum dan kebijaksanaan. Sebarang undang-undang yang menyimpang dari keadilan kepada kezaliman, atau menyimpang dari timbang rasa kepada penindasan, atau dari kebaikan umum (masalah) kepada keburukan (mafsadah), atau dari kebijaksanaan kepada kebodohan, tidak boleh menjadi sebahagian daripada Shari'ah, walaupun ia digubal melalui tafsiran individu.*'

- Perbezaan pendapat (*ikhtilaf*) merupakan konsep asas yang sentiasa menjadi sebahagian daripada ilmu *fikah*, walaupun setelah tertubuhnya secara formal madhab-madhab perundangan. Tidak pernah ada hanya satu undang-undang Islam yang tunggal pada masa kini ataupun pada masa lampau. Hakikat adanya pelbagai madhab, apatah lagi dengan pelbagai undang-undang keluarga Islam yang kini wujud di negara-negara lain, membuktikan bahawa tidak ada orang perseorangan, kumpulan, mahupun negara, yang boleh menuntut wujudnya undang-undang Islam yang tunggal dan suci yang mereka boleh anggap sebagai hak mereka. Dalam konteks negara bangsa yang moden, kita harus mengiktiraf dan melibatkan diri dengan kepelbagaian pendapat untuk menentukan cara yang terbaik dalam memberi khidmat kepada orang awam (*masalah*) serta memenuhi keperluan kesaksamaan dan keadilan.

Lantaran itu, undang-undang keluarga masa kini, sama ada yang sudah dikanun ataupun belum, bukanlah wahyu Allah yang kekal abadi, tetapi digubal berdasarkan tafsiran *fikah* oleh manusia sejak ratusan tahun yang lalu, dan kemudiannya dijadikan undang-undang oleh penjajah dan kerajaan. Oleh kerana tafsiran dan undang-undang dibuat oleh manusia dan menitikberatkan hubungan antara manusia maka undang-undang ini boleh berubah dalam kerangka prinsip Islam mengikut perubahan keadaan semasa dan tempat. Pembaharuan positif dalam undang-undang keluarga Islam serta perubahan amalan baru-baru ini memberi sokongan kepada kemungkinan berlakunya perubahan pada masa akan datang.

Prinsip dan keunggulan dalam Al Qur'an menyediakan jalan ke arah kesaksamaan dan keadilan dalam undang-undang dan amalan keluarga seperti yang dilakukan untuk menamatkan institusi perhambaan. Apabila ketidakadilan sistem perhambaan menjadi semakin ketara dan keadaan timbul untuk menghapuskannya, maka undang-undang dan amalan yang berkaitan dengan perhambaan dipertimbangkan semula dan keputusan *fikah* klasik tidak lagi boleh diterimapakai. Begitu juga dengan undang-undang keluarga kita—termasuk segala amalan yang belum dikanunkan sebagai undang-undang—mestilah berkembang untuk mencerminkan nilai-nilai Islam yang saksama dan adil, menekankan piawai hak asasi manusia yang sejagat dan menangani realiti kehidupan keluarga abad ke21 ini. Begitu juga, undang-undang atau pindaan yang dibuat atas nama Islam pada masa akan datang, hendaklah mencerminkan nilai-nilai kesaksamaan, keadilan, kasih sayang, bertimbang rasa dan saling menghormati sesama manusia.

### III. Prinsip Tentang Kesaksamaan dan Keadilan Dalam Keluarga

***Prinsip 1: Nilai-nilai Islam yang universal tentang kesaksamaan, keadilan, kemuliaan maruah dan tanpa diskriminasi adalah asas perhubungan manusia.***

Islam mengamanahkan keadilan (*'adl*), kesaksamaan (*musawah*), maruah manusia (*karamah*), dan kasih sayang serta bertimbang rasa (*mawaddah wa rahmah*) dalam hubungan sesama manusia dan dalam keluarga. Prinsip-prinsip ini juga diakui sebagai nilai sejagat dan termaktub sebagai hak dalam kebanyakan perlembagaan negara serta instrumen antarabangsa.

Dalam Al Qur'an, lelaki dan wanita adalah sama rata dalam ciptaan Tuhan, dan di akhirat kelak. *Surah an-Nisa'* 4:1 menyatakan bahawa lelaki dan wanita dicipta dari satu roh (*nafs wahidah*). Seorang tidak wujud sebelum yang seorang lagi, seorang tidak lebih hebat daripada yang seorang lagi, dan seorang tidak diciptakan daripada yang seorang lagi. Wanita bukannya dicipta untuk lelaki. Sebaliknya, mereka dicipta untuk saling bermanfaat antara satu sama lain.

Al Qur'an mengajar 'kasih sayang dan kelembutan' (*Ar-Rum* 30:21) antara wanita dan lelaki; yakni lelaki dan wanita adalah seperti pakaian untuk satu sama lain (*Al-Baqarah* 2:187); yakni baik lelaki mahupun wanita, setiap kamu menjadi turunan kepada yang lain (*Al-Imran* 3:195); yakni kedua-dua lelaki dan wanita—saling rapat, mengarahkan tindakan yang betul, dan melarang tindakan yang salah' (*At-Tawbah* 9:71). Empat rangkap Al Qur'an yang membicarakan tentang kuasa lelaki terhadap wanita dalam keluarga dan ketaksaksamaan di antara lelaki dan wanita dalam masyarakat

(*Al-Baqarah* 2:222, 228 dan *An-Nisa* 4:2, 34) hendaklah difahami dalam konteks prinsip Islam dan matlamat *Shari'ah* yang lebih luas dan bukan secara berasingan.

Kefahaman tentang keadilan dan ketidakadilan sering berubah mengikut peredaran masa. Dalam konteks fahaman umum Al Qur'an tentang keadilan dan kesaksamaan, terdapat banyak ayat yang boleh digunakan sebagai model bagi hubungan kekeluargaan dan sesama manusia yang selari dengan tanggapan semasa tentang keadilan. Untuk mencapai keadilan dewasa ini, dan tetap setia dengan semangat Islam serta ajarannya, kesaksamaan hendaklah menjadi asas undang-undang dan amalan kita. Ketaksaksamaan dalam hubungan keluarga dan sesama manusia mesti diganti dengan prinsip saling menghormati, kasih sayang dan perkongsian.

***Prinsip 2: Kewarnegaraan yang saksama dan penuh, termasuk penglibatan sepenuhnya dalam semua aspek kemasyarakatan adalah hak setiap individu.***

Islam mengajar bahawa semua umat manusia dilahirkan sama rata daripada segi nilai dan harga diri. Perkara ini digambarkan juga dalam prinsip hak asasi manusia yang sejagat. Al Qur'an menggalakkan kesaksamaan yang mutlak bagi 'semua kaum lelaki dan wanita' dalam aspek utama kehidupan mereka, dan menjanjikan 'untuk (semua) mereka Allah telah menyediakan keampunan dosa dan pahala yang besar' (*Al-Ahzab* 33:35).

Sebagai umat manusia yang mempunyai nilai serta harga diri yang sama rata di hadapan Allah, dan sebagai warga negara bangsa yang moden, semua individu berhak menggunakan hak sama rata untuk menyertai politik dan kepimpinan, peluang sama rata

mendapatkan sumber ekonomi, hak sama rata di bawah undang-undang dan hak autonomi sama rata dalam ekonomi, sosial, budaya dan politik. Al Qur'an memberi perhatian kepada semua umat manusia lelaki dan wanita sebagai *khalifah* Allah, dipertanggungjawabkan untuk memastikan perintah Allah menjadi kenyataan di dunia ini. Dalam negara di mana Islam menjadi sumber kepada dasar dan undang-undang, dan dalam masyarakat di mana Islam mempengaruhi budaya dan adat resamnya, maka menjadi hak dan tanggungjawab semua umat Islam—dan semua orang—untuk memberi sumbangan kepada perkembangan undang-undang, dasar dan amalan dengan cara terbuka untuk mencapai keadilan dan kesaksamaan dalam keluarga, komuniti dan masyarakat.

***Prinsip 3: Kesaksamaan di antara lelaki dan wanita memerlukan kesaksamaan dalam keluarga.***

Islam menyeru bahawa kesaksamaan, keadilan, belas kasihan dan maruah diri adalah untuk semua manusia. Oleh itu undang-undang dan amalan keluarga hendaklah memenuhi seruan ini dengan mempromosi prinsip-prinsip tersebut dan memberi respons berkenaan dengan realiti kehidupan lelaki dan wanita Islam hari ini.

Baik wanita mahupun lelaki berhak mendapat kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga, di samping diberi penghormatan dan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka. Perakuan mengenai perkongsian tanggungjawab dalam keluarga mestilah diiringi dengan perkongsian hak, amalan membuat keputusan bersama, peluang sama rata bagi mendapat keadilan, hak sama rata kepada pemilikan harta dan hak sama rata kepada pembahagian asset setelah bercerai atau kematian. Prinsip Islam, piawai hak asasi manusia

yang sejagat, jaminan undang-undang dan perlembagaan serta realiti kehidupan wanita dan lelaki hari ini semuanya menyediakan saluran bagi masyarakat kita menentukan kesaksamaan dan keadilan dalam undang-undang keluarga serta amalannya. Dalam abad ke21 ini, peruntukan dalam Konvensyen Bagi Menghapuskan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)—terdiri daripada keadilan dan hak yang saksama bagi wanita dalam keluarga dan masyarakat—adalah lebih selaras dengan *Shari'ah*, daripada peruntukan undang-undang keluarga yang terdapat dalam kebanyakan negara dan masyarakat Islam.

***Pencapaian prinsip-prinsip ini melibatkan undang-undang dan amalan yang memastikan:***

- Keluarga adalah tempat yang selamat, harmoni, yang menyokong perkembangan diri semua anggotanya;
- Perkahwinan sebagai satu perkongsian antara individu yang dianggap sama rata, berlandaskan perasaan hormat menghormati, kasih sayang, berkomunikasi dan mempunyai kuasa sama rata untuk membuat keputusan;
- Hak sama rata dalam memilih pasangan hidup atau memilih untuk tidak berkahwin, dan memasuki ambang perkahwinan dengan bebas dan penuh rela, dengan hak sama rata untuk membubarkan perkahwinan dan juga selepas pembubaran tersebut;
- Hak serta tanggungjawab sama rata berkaitan dengan harta termasuk perolehan, pemilikan, penggunaan, pengurusan, pentadbiran, pelupusan dan pewarisan, serta perlunya

memastikan jaminan kewangan untuk semua ahli keluarga;  
dan

- Hak serta tanggungjawab sama rata sebagai ibu bapa dalam hal-ehwal berkaitan dengan anak-anak mereka.



Kami, wanita dan lelaki yang berpegang kepada nilai-nilai Islam dan nilai-nilai kesaksamaan dan keadilan yang universal menyeru agar semua nilai-nilai ini dihidupkan semula ke dalam keluarga Islam. Kami menggesa kerajaan dan pemimpin politik, institusi antarabangsa, pemimpin agama serta saudara saudari sekalian, bersama-sama kami untuk memastikan undang-undang dan amalan keluarga kita mendokong nilai-nilai ini.

***Kesaksamaan, keadilan, kesetaraan dan maruah diri sangat diperlukan dan boleh diwujudkan dalam keluarga Islam abad ke21. Masa untuk menerapkan nilai-nilai ini ke dalam undang-undang kita dan menjadikannya kenyataan dalam kehidupan harian kita adalah sekarang.***



## **Jawatankuasa Perancang Musawah:**

Amal Abdel Hadi (Mesir)

Amira El-Azhary Sonbol (Mesir / Qatar / Amerika Syarikat)

Asma'u Joda (Nigeria)

Azza Soliman (Mesir)

Cassandra Balchin (United Kingdom)

Isatou Touray (Gambia)

Kamala Chandrakirana (Indonesia)

Pinar Ilkkaracan (Turki)

Rabéa Naciri (Maghribi)

Sohail Akbar Warraich (Pakistan)

Zainah Anwar (Malaysia)

Ziba Mir-Hosseini (United Kingdom / Iran)